



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**PENEROKAAN TINGKAH LAKU RISIKO PENONTON
TERHADAP KAWALAN KESELAMATAN DIKALANGAN
PASUKAN POLIS DI STADIUM BOLA SEPAK, MALAYSIA**

*EXPLORATION OF SPECTATORS' RISK BEHAVIOR TOWARDS SECURITY
CONTROL AMONG POLICE TEAMS AT FOOTBALL STADIUMS, MALAYSIA*

Nor Razireen Ahmad Tarmizi¹, Siti Nurhafizah Saleeza Ramlee², Inderjit Singh Tara Singh³

¹ Fakulti Pengajian Pengurusan dan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: norrazireen@gmail.com

² Fakulti Pengajian Pengurusan dan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: saleeza@upnm.edu.my

³ Fakulti Pengajian Pengurusan dan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: inderjit@upnm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.07.2024

Revised date: 08.08.2024

Accepted date: 23.09.2024

Published date: 30.09.2024

To cite this document:

Tarmizi, N. R. A., Ramlee, S. N. S., & Singh, I. S. T. (2024). Penerokaan Tingkah Laku Risiko Penonton Terhadap Kawalan Keselamatan bagi Keselamatan Pasukan Polis di Stadium Bola Sepak, Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (37), 461-469.

DOI: 10.35631/IJLGC.937035

Abstrak:

Di Malaysia isu keganasan peminat bola sepak bukanlah isu baru. Malah, isu ini semakin menjadi-jadi sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Semasa perlawanan kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 antara Malaysia dan Indonesia pada 19 November 2019 dicemari insiden kekecohan di luar Stadium Nasional Bukit Jalil sebaik perlawanan tamat. Organisasi keselamatan termasuk Pasukan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dan polis telah dikerahkan untuk mengawal seluruh kawasan stadium dengan mengadakan kawalan yang lebih ketat di pintu masuk bagi memastikan penonton tidak membawa bunga api atau sebarang objek yang boleh menyebabkan keadaan huru-hara dan tidak stabil. Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji hubungan antara tingkah laku risiko penonton terhadap kawalan keselamatan dikalangan pasukan polis di Stadium Bola Sepak. Seramai 260 anggota yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Hasil dapatan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 29.0 dan model laluan dianalisis dengan SEM menggunakan perisian SmartPLS versi 4.3. Dua elemen tingkah laku risiko penonton yang terdiri daripada kesesakan penonton dan senjata telah dipilih sebagai pembolehubah tidak bersandar (IV). Manakala, keselamatan pasukan



polis telah dijadikan sebagai pembolehubah bersandar (DV) dalam kajian ini. Elemen kawalan keselamatan dimasukkan sebagai pembolehubah pengantara (MV). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa semua elemen pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini mempunyai hubungan signifikan dan positif iaitu ($p < 0.001$) antara tingkah laku risiko (TLR) dengan keselamatan pasukan polis (KPP). Manakala, kemasukan pembolehubah pengantara kawalan keselamatan sedikit sebanyak memberi impak kepada keselamatan pasukan polis. Sebagai kesimpulannya, kajian ini akan menyumbang terhadap mewujudkan model dalam bidang pengetahuan dan polisi bagi membantu meningkatkan tahap keselamatan dalam penugasan pasukan polis di dalam stadium bola sepak.

Kata Kunci:

Pasukan Polis Dan Kawalan Keselamatan, Tingkah Laku Berisiko.

Abstract:

In Malaysia, the issue of violence by football fans is not a new issue. In fact, this issue has become more common in recent years. During the World Cup 2022/Asian Cup 2023 qualifying match between Malaysia and Indonesia on 19 November 2019, an incident of commotion outside the Bukit Jalil National Stadium was marred after the match ended. Security organizations including the Federal Reserve Unit (FRU) and the police have been deployed to guard the entire stadium area with tighter controls at the entrance to ensure spectators do not bring fireworks or any other objects that may cause chaos and instability. This study was conducted to examine the relationship between spectator risk behavior and security control among the police force at the Football Stadium. A total of 260 members involved in this study consist of the Royal Malaysian Police (PDRM). The findings were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 29.0 computer software and the path model was analyzed with SEM using the Smart PLS version 4.3 software. Two elements of audience risk behavior consisting of audience crowding and weapons were selected as independent variables (IV). Meanwhile, the safety of the police force has been used as a dependent variable (DV) in this study. The safety control element was included as a mediating variable (MV). The findings of the study also show that all elements of independent variables in this study have a significant and positive relationship which is ($p < 0.001$) between risk behavior (TLR) and police force safety (KPP). Meanwhile, the inclusion of mediating variables of security control to some extent has an impact on the security of the police force. In conclusion, this study will contribute to creating a model in the field of knowledge and policy to help improve the level of security in the assignment of police forces in football stadiums.

Keywords:

Police And Security Control, Risk Behavior.

Pengenalan

Bola sepak merupakan sukan yang paling popular di dunia. Memandangkan sejarah panjang penggunaan acara sukan penonton ia bukan fakta yang mengejutkan bahawa terdapat juga serius manifestasi pencerobohan penonton (Hurych & Scholz, 2020). Hari ini, sukan bukan sekadar aktiviti fizikal tetapi memainkan peranan penting sebagai satu sektor ekonomi penting masyarakat dalam pelbagai aspek pengeluaran dan penggunaan barangan, penyediaan perkhidmatan sukan, serta pembangunan ekonomi di negara maju (Memari et al., 2020). Namun isu keganasan dikalangan penyokong bolasepak di Malaysia bukanlah merupakan satu isu yang baru dan antara perbuatan yang sering dilakukan oleh segelintir penyokong bolasepak di Malaysia adalah seperti perbuatan membaling mercun, botol minuman, batu, menyalakan suar, membakar kerusi stadium, provokasi serta pergaduhan (N. Yusoff, 2015). Kes-kes berkaitan dengan kekasaran, keganasan, jenayah dan hooligan bukanlah merupakan kes baharu terutama dalam sukan bola sepak. Pada perlawanan bola sepak Indonesia di wilayah Jawa Timur pihak polis terpaksa melepaskan gas pemedih mata kepada penonton apabila tercetus keganasan apabila Persebaya Surabaya menewaskan Arema Malang 3-2. Akibat insiden tersebut terdapat 125 orang maut disebabkan kesesakan penonton yang tinggi serta panik. Antara kejadian keganasan yang mengakibatkan maut di stadium bolasepak berlaku diseluruh dunia adalah seperti pada 20 Okt. 1982, 66 orang maut dalam kekecohan penyokong yang meninggalkan perlawanan Piala UEFA antara Spartak Moscow dan Haarlem, dari Belanda, di Stadium Luzhniki di Moscow dan pada 8 Mei 1985, 39 orang maut dalam keganasan peminat pada perlawanan akhir Piala Eropah 1985 antara Liverpool dan Juventus di Stadium Heysel di Brussels (Steen, 2016). Pasukan polis memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan keselamatan sebelum, semasa dan selepas perlawanan di stadium bolasepak (Elwakeel et al., 2022). Menurut Milojevic 2012, pasukan polis di setiap negara mempunyai prosedur yang berbeza semasa memerangi hooliganisme bola sepak. Pasukan polis mempunyai kemahiran dalam mengawal sebarang bentuk kekacauan atau keganasan seandainya berlaku di stadium dan jumlah anggota polis di stadium perlu ditambah agar dapat menimbulkan rasa gerun dalam kalangan penyokong (Yusoff, 2018). Peranan pasukan polis di negara Eropah adalah untuk menganalisis ancaman dan mengkaji semua senario termasuklah memeriksa pengembaraan penyokong bolasepak yang datang ke bandar tempat perlawanan bola sepak yang berlangsung termasuk memeriksa penempatan penyokong sebelum perlawanan bola sepak itu berlangsung (Milojevic, 2012). Keselamatan awam adalah sangat penting dalam sesebuah penganjuran acara sukan (Ferenc, 2018). Di Malaysia, isu keganasan penonton menganggu pemberontakan yang boleh pecah pada bila-bila masa jika tidak dipantau secara serius terutamanya di venue bola sepak. Malah, isu ini semakin menjadi-jadi sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Walaupun pelbagai denda dan penalti diberikan terutamanya oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) ia masih belum memadai untuk mengawal tingkah laku peminat bola sepak di Malaysia. Perbuatan membaling mercun, botol, batu, menyalakan suar, membakar stadium kerusi, provokasi, pergaduhan dan kacau ganggu awam adalah antara tingkah laku menyimpang dan agresif yang dilakukan oleh segelintir peminat bola sepak di Malaysia (NH Yusoff, 2017).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka elemen-elemen tingkah laku risiko penonton terhadap kawalan keselamatan yang mempengaruhi keselamatan pasukan polis di stadium bola sepak di Malaysia

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah rangka kerja kaedah dan teknik kajian yang dipilih oleh penyelidik untuk menjalankan kajian. Reka bentuk ini membolehkan penyelidik mempertajam kaedah penyelidikan yang sesuai untuk subjek dan menetapkan kajian mereka untuk berjaya. Kajian kuantitatif dijalankan dalam kajian ini. Reka bentuk ini digunakan kerana ia menerangkan alternatif untuk menjalankan kajian ini dan boleh mendapatkan data yang tepat. Kaedah yang digunakan dalam kajian kuantitatif ialah dengan mengemukakan soalan yang sama kepada semua responden. Maka dengan menggunakan kaedah ini penyelidikan dapat memastikan semua jawapan dapat dianalisis secara adil.

Instrumen penyelidikan dan pengukuran kajian ini menggunakan soal selidik daripada kajian terdahulu untuk menyiasat hubungan antara pembolehubah bebas tingkahlaku risiko seperti kesesakan penonton dan senjata. Soalan terdiri daripada 4 bahagian iaitu Seksyen A, Seksyen B, Seksyen C dan Seksyen D.

Jadual 1: Kajian kuantitatif

Seksyen	Soalan	Jumlah soalan	Sumber
Seksyen A	Demografi	5	(Warioba,2023)
Seksyen B	Faktor Risiko: a)Kesesakan Penonton b) Senjata	5	(Mutlu et al., 2017)
Seksyen C	Kawalan Keselamatan	5	(Warioba,2023)
Seksyen D	Keselamatan Anggota Polis	5	(Mutlu et al., 2017)

Pensampelan Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data dan data yang dibentangkan dalam kertas kerja ini adalah data yang diperolehi daripada tinjauan yang dijalankan ke atas bilangan 260 responden dari kalangan anggota polis yang pernah bertugas di stadium semasa acara perlawanan bola sepak. Tiga lokasi responden daripada ibu pejabat polis yang berbeza iaitu Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras dan Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya. Lokasi kajian adalah seperti Stadium Nasional Bukit Jalil, Stadium Bolasepak Kuala Lumpur dan Stadium Bolasepak Petaling Jaya. Lokasi kajian ini dipilih kerana anggota balai mempunyai pengalaman menangani insiden-insiden faktor risiko terhadap keselamatan penonton serta keselamatan anggota polis yang bertugas.

Carta Alir Proses Kajian



Gambar Rajah 1. Carta Alir Proses Yang Digunakan Dalam Kajian

Saiz Sampel Kajian

Saiz sampel dalam kajian ini ditentukan menggunakan jadual krejcie& morgan (1970). Dengan memasukkan bilangan populasi iaitu 260, jumlah sampel yang diperlukan untuk kajian ini ialah 155. Ini adalah nombor dan pengiraan yang disertakan dalam jadual ini yang membantu penyelidik menggunakan jadual yang dibuat oleh Krejcie & Morgan (1970) untuk menentukan bilangan yang sesuai sampel berdasarkan populasi yang dipilih.

Analisis Data

Data yang diperolehi daripada borang soal selidik di analisis menggunakan perisian Package for Social Science (SPSS) versi 29.0 dan model laluan dianalisis dengan SEM menggunakan perisian SmartPLS versi 4.3 selepas pengkaji menerima borang soal selidik tinjauan daripada responden. Terdapat dua jenis statistik yang digunakan untuk mendapatkan nilai dan keputusan untuk menguji hipotesis iaitu Analisis Deskriptif dan Analisis Inferens.

Hasil Dapatan

Kajian ini menggunakan aplikasi web analisa tenaga statistik dalam talian dan web ini adalah percuma yang dinamakan WebPower untuk mengira nilai skewness dan kurtosis. WebPower untuk mengira nilai skewness dan kurtosis. WebPower dibangunkan oleh Zhang dan Yuan (2018) yang boleh diakses dari <http://webpower.psychstat.org>. SPSS hanya boleh mengira nilai skewness dan kurtosis untuk statistik univariat, tetapi dengan researchers WebPower dapat mengira kedua-dua univariate dan Mardia's multivariate skewness dan kurtosis.

Literasi baru-baru ini juga menggalakkan penggunaan WebPower (Cain, Zhang & Yuan, 2017; Ramayah, Yeap, Ahmad, Abdul Halim & Abidur Rahman, 2017). Jadual 2 memperlihatkan hasil ujian normal.

Jadual 2: Hasil Ujian Normal Data.

Constructs	Skewness		Kurtosis	
	Statistics	z-score	Statistics	z-score
Kesesakan Penonton(Sesak)	-0.9775550	-5.6719209	0.8274680	2.412158
Senjata Berbahaya(Senjata)	-1.6143726	-9.3668322	3.5342219	10.30264
Kawalan Keselamatan(KK)	-1.6614825	-9.6401710	2.7908890	8.135742
Kawalan Pasukan(KPK)	-2.6519729	-15.3871450	8.4305593	24.57599
Mardia's Multivariate Normality	21.45349	711.54086	97.16405	21.46746

Nota: *Skewness standard error* = .108, *Kurtosis standard error* = .215

Hasil dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa semua z-skor untuk univariate dan multivariate skewness tidak dalam jangkauan yang boleh diterima. Pelbagai skor skewness z yang boleh diterima untuk data dengan taburan normal ialah ± 3 (Cain et al., 2017; Kline, 2011). Sebaliknya, markah z untuk kurtosis univariat dan multivariate semuanya berada dalam ± 7 yang menunjukkan data diedarkan secara normal (Cain et al., 2017; Mardia, 1970). Walau bagaimanapun, kedua-dua nilai skewness dan kurtosis harus berada di dalam, julat yang boleh diterima untuk menuntut seluruh dataset mempunyai pengedaran biasa.

Kajian Literatur

Kajian ini meneroka elemen-elemen tingkah laku risiko penonton terhadap kawalan keselamatan yang mempengaruhi keselamatan pasukan polis di stadium bola sepak di Malaysia.

Jadual 3: Hubungan Antara Pembolehubah

Hubungan Antara Pembolehubah/ Relationships Between Variables Between Variables	Kajian Lepas/ Previous Studies / Previous Studies
Kesan orang ramai yang ketara terhadap pasukan keselamatan (<i>A significant effect of crowd on security forces</i>)	(Wiyono et al., 2023), (Muhammad & Sufiyanu, 2020),(Wibowo, 2017), (Faraji et al., 2018)
Kesan ketara senjata terhadap pasukan keselamatan (<i>A significant effect of weapon on security forces</i>)	(Dunning, 2000), (Faraji et al., 2018) (N. Yusoff, 2015), (Van Ham et al., 2022)
Kesan ketara kawalan keselamatan terhadap pasukan keselamatan (<i>A significant effect of security control on security forces</i>)	(Warioba,2023), (Mutlu et al., 2017), (R Abdul Rashid, 2000),(Prince et al., 2021)
Kesan keselamatan terhadap pasukan polis (<i>A significant effect of on police officer</i>)	(Mutlu et al., 2017), (Milojevic, 2012)

Kerangka Kajian


Di bawah adalah visualisasi rangka kerja konsep untuk penyelidikan ini. Ia menyenaraikan pelbagai faktor yang boleh menjejaskan Tingkah Laku Risiko Penonton dan Kawalan Keselamatan Terhadap Keselamatan Pasukan Polis di stadium bola sepak Lembah Klang. Pembolehubah bebas ialah kesesakan penonton dan senjata. Pembolehubah bersandar ialah keselamatan pasukan polis. Dalam menjelaskan penyelidikan ini, rangka kerja konsep boleh digambarkan seperti rajah 2 di bawah:

Tingkah Laku Risiko

Pembolehubah Tak Bersandar

Pembolehubah Pengantara

Pembolehubah Bersandar

**Kesimpulan**

Dalam era bola sepak moden, tiada siapa boleh menafikan kepentingan menyokong pembangunan sesebuah kelab bola sepak. Sokongan dari segi material dan peranan moral adalah penting. Seperti sesetengah penyokong, yang mendakwa mengagumi dan menyayangi pasukan mereka yang mereka sokong, penyokong harus lebih bertanggungjawab dan beretika. Meningkatkan keselamatan penonton di stadium memerlukan pendekatan yang holistik dan bersepadu. Dengan melaksanakan program pendidikan, meningkatkan infrastruktur, dan melakukan penilaian berkala, kita dapat memastikan pengalaman yang lebih selamat dan menyenangkan bagi semua penonton. Kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan yang berguna untuk pihak pengurusan stadium dan pihak berkuasa iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam merancang dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang lebih baik.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya kerana tunjuk ajar beliau dalam menyiapkan kajian ini. Penyelidikan ini tidak dibiayai atau geran daripada mana-mana institusi dan ia adalah sebahagian daripada menyiapkan tesis.

Rujukan

- Elwakeel A (2022), Factors influencing the formation of sports security awareness on the management of sports events, volume 35, issue 1 page1-20,doi:10.21608/ssj.2022.252669
- Eraslan A (2023). Spectators' Perceptions Regarding The Security Measures Taken in soccer Journal of ROL Sports Sciences, Vol 4 (1): pp : 66-82
- Faraji R, Hemmatinezhad M, Taylor T (2018). Critical Factors Affecting Stadiums Security, Journal of Applied Security Research, doi: 10.1080/19361610.2018.1498264
- Gregory (2016), Sports-Related Riots: Understanding Group Behavior to Improve Police Strategy, Master's Thesis, Naval Postgraduate School.

- Hafizah Yusoff N, Sundramoorthy P (2015). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Salah Laku dalam Kalangan Penyokong Pasukan Bola Sepak di Malaysia, *Malaysian Journal of Society and Space* 11 issue 13 (72 - 78).
- Hurych E, Scholz P (2020). Czech Football Fans and Some Aspects of Their Declared and Applied Approache, *Journal of Physical Education and Sport ® (JPES)*, Vol.20 (6), Art 457 pp. 3377 – 3383, <https://doi.org/10.7752/jpes.2020.06457>.
- Memari Z, Bidari M, Saadati M (2020) The Security Role of Football Stadiums on Marketing Mix Development, *Sport Sciences (NASS)*, Vol. 2, issue 3, page 93-116 doi: 10.22054/nass.2020.52513.1059.
- Milojevic S (2012). Police Measures and Actions in Confronting Football Hooliganism, Researchegat publication
- Moataz, Hassan, Ali (2019). Proposed Standards for Security and Safety in Sports Stadiums, *Journal for Sport Science Arts*, issue 1, page 127-128.
- Mohamed Khaled Amin El Shawarby (2015). Football Stadiums' Disasters, Master's Thesis "Olympic Studies, Olympic Education, Organization and Management of Olympic Events".
- Mutlu, T. Osman (2017), An Evaluation Of Turkish Police Officer S View On Violence In Football And Hooliganism, *The Online Journal of Recreation and Sport*, Volume 6 Issue 4, page 1-12 , doi: 10.22282/ojrs.2017.17
- Robiah Abdul Rashid (2000), Analisa Sistem Keselamatan Kebakaran Pada Stadium Tertutup (Kes Kajian: Stadium Putra, Bukit Jalil Dan Stadium Malawati, Shah Alam), Master Thesis, page 1-70
- Saeed Al Kindi F, Abdalla Bayoumi K (2023). Building Effective Mechanisms to Reduce Violence in Football Stadiums in the UAE, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol.13, No.6, doi:10.6007/17340.
- Steen R (2015). Interwoven tragedies: Hillsborough, Heysel and denial, *Sport in Society*, doi: 10.1080/17430437.2015.1079011.
- Spaaij (2006). Understanding Football Hooliganism: A comparison of Six Western European Football Clubs, Amsterdam University Press, Amsterdam.
- Trepte S, Loy L (2017). Social Identity Theory and Self-Categorization Theory, the *International Encyclopedia of Media Effects*. doi: .1002/9781118783764
- Tsoukala A (2016). Combating Football Crowd Disorder at the European Level: An ongoing Institutionalisation of the Control of Deviance, warwick.ac.uk, volume7.
- Warioba M (2023), The Influence of Socio-Demographic Factors on Stadium Security Management In Tanzania: A Case Of Sheikh Amri Abeid Stadium Arusha Region, Master Thesis, page 1-96
- Wibowo A (2017) Crowds Management In Indonesian Football Event Case Study: Policing Management, *Jurnal Ilmiah Econosains*, Vol 15, issue 2 doi: 10.21009/econosains.015.2.7
- Wiyono L, Kresnadi I, Munir A (2022), Improving Public Safety in Events of Mass Gathering. The 2022 Kanjuruhan Stadium Disaster in Indonesia, *Public Health Chall.* 2023;2: e139. <https://doi.org/10.1002/puh2.139>.
- Yusoff, N. H. (2017). Salah Laku Dalam Kalangan Penyokong Bola Sepak Di Malaysia. Doctoral Thesis, Universiti Sains Malaysia.